HUBUNGI:

Shahrul Nizam
Mobile: 016 207 3727
Email: sharuls@iwk.com.my

SIARAN AKHBAR

27 Januari 2017
Untuk Siaran Segera

IWK BUKAN PUNCA BANJIR DI GEMAS

Kuala Lumpur, 27 Januari 2017 - Merujuk kepada artikel bertajuk "*Dukung anak redah banjir*" yang disiarkan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 26 Januari 2017, Ahli Dewan Undangan Negeri Gemas telah menyatakan bahawa bencana banjir berkenaan dipercayai berpunca daripada limpahan air dari loji olahan kumbahan Indah Water.

Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) ingin menjelaskan bahawa ini adalah tidak tepat kerana banjir tersebut bukan berpunca daripada limpahan air loji olahan kumbahan. Mengikut siasatan kami, banjir tersebut disebabkan peningkatan paras air sungai yang seterusnya menyebabkan limpahan air ke taman-taman perumahan di kawasan berhampiran. Malahan, loji rawatan kumbahan IWK di kawasan berkenaan turut dinaiki air banjir.

Walau bagaimanapun, pihak IWK tetap berusaha untuk memberikan perkhidmatan pembetungan yang efisien demi keselesaan orang ramai. Kami juga ingin menasihatkan orang ramai agar mengambil langkah berjaga-jaga di musim banjir ini.

*****END*****

Maklumat mengenai Indah Water Konsortium

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pembetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan untuk 23.6 juta pengguna.Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan, penyelenggaraan lebih 6,000 buah loji olahan awam, 18,114 km panjang rangkaian paip pembetungan bawah tanah. IWK mempunyai modal insan dalam pelbagai bidang, kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK ialah perancangan dan kejuruteraan, perakuan pembangunan sistem pembetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehgunaan serta khidmat runding pengurusan projek.

Untuk maklumat lanjut mengenai IWK, sila layari laman web kami di www.iwk.com.my